

Pengaraban Nama dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Leksikal dan Morfologi

Noun Pronouncement in Malay Society: A Lexical and Morphological Study

Asiah Abas* & Noor Fadilah Dawi

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

*Corresponding author: asiahabas@ums.edu.my

Received: 03 September 2024; **Revised:** 18 April 2025; **Accepted:** 01 August 2025; **Published:** 13 November 2025

How to cite this article: Abas, A., & Dawi, N. F. (2025). Pengaraban Nama dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Leksikal dan Morfologi. *PENDETA*, 16(2), 26-39. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.3.2025>

Abstrak

Nama merupakan satu bentuk identiti linguistik yang dibentuk melalui pilihan kata atau rangkaian kata tertentu yang membawa nilai simbolik dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Dalam konteks masyarakat Melayu Islam di Malaysia, sistem penamaan lazimnya menggunakan struktur bin atau binti yang diadaptasi daripada istilah Arab *ibn* (anak lelaki) dan *bint* (anak perempuan). Elemen ini mencerminkan pengaruh bahasa Arab yang signifikan dalam struktur nama, seterusnya menjurus kepada fenomena pengaraban nama. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis bentuk pengaraban nama dalam kalangan masyarakat Melayu Islam dari aspek leksikal dan morfologi bahasa Arab dengan mengambil kira lima generasi, iaitu Baby Boomers, Generasi X, Y, Z dan Alpha. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif, manakala analisis data dilakukan secara deskriptif kualitatif dengan berpandukan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1974). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaraban nama berlaku menerusi dua kaedah utama, iaitu peminjaman langsung perkataan Arab dan adaptasi terhadap sistem bahasa Melayu yang melibatkan penyesuaian dari segi bunyi, ejaan dan sebutan. Perkataan yang diambil sebagai nama meliputi *fi'l* (kata kerja), *ism* (kata nama) dan *murakkab* (gabungan kata nama). Analisis turut mendapati kewujudan kesalahan fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis yang timbul akibat kesilapan atau kelemahan pemahaman terhadap struktur bahasa Arab. Walau bagaimanapun, penjelasan terperinci bagi setiap kategori kesalahan ini akan dihuraikan dalam penulisan berasilingan. Kajian ini diharap dapat memberikan panduan kepada masyarakat dalam memahami struktur penamaan yang lebih autentik serta mengelakkan penyelewengan makna dalam proses pembentukan nama, sejajar dengan fungsi asal nama sebagai lambang identiti dan doa.

Kata kunci: Penggunaan nama Arab; pengaraban nama; nama Melayu; pinjaman bahasa Arab; bahasa Arab.

Abstract

A name represents a form of linguistic identity shaped through the selection of specific words or word combinations that carry symbolic and cultural significance within a society. In the context of the Malay Muslim community in Malaysia, naming conventions typically involve the use of "bin" or "binti," adapted from the Arabic terms *ibn* (son of) and *bint* (daughter of). This element reflects the long-standing influence of the Arabic language on Malay naming structures and has given rise to the phenomenon of name Arabization. This study aims to analyse the forms of name Arabization among the Malay Muslim community from lexical and morphological perspectives of the Arabic language, taking into account five generational cohorts: Baby Boomers, Generation X, Y, Z, and Alpha. Employing a mixed-methods approach that integrates both qualitative and quantitative elements, the data were analysed using a qualitative descriptive method based on Corder's (1974) Error Analysis Theory. The findings indicate that name Arabization occurs through two primary

methods: direct borrowing of Arabic words and adaptation to the Malay linguistic system, which includes adjustments in pronunciation, spelling, and articulation. The Arabic words used as names include fi'l (verbs), ism (nouns), and murakkab (compound nouns). The analysis also revealed phonological, morphological, semantic, and syntactic errors resulting from misunderstandings or inadequate comprehension of Arabic linguistic structures. However, detailed discussions of each error category will be presented in a separate paper. This study is expected to serve as a guide for the community in constructing more authentic naming structures while avoiding semantic distortions, in line with the original function of names as symbols of identity and supplication.

Keywords: *Use of Arabic names; Arabicization of names; Malay names; Arabic borrowings; Arabic language.*

PENGENALAN

Nama ialah panggilan atau sebutan bagi orang, barang, tempat, pertubuhan dan lain-lain (Kamus Dewan (2015). Nama juga dikaitkan dengan kehormatan, kemasyuran, maruah, kebaikan, kebesaran, kemegahan, kemuliaan dan ketinggian setiap individu. Definisi ini menunjukkan bahawa nama dalam konteks linguistik merupakan suatu item bahasa (Harimurti Kridalaksana, 1993; Gita Anggria Resticka & Sri Nani Hari Yanti 2018; dan Dice Dian Pramita et al., 2017) yang terdiri daripada perkataan atau rangkaian kata yang dipilih, dibentuk dan disusun supaya mempunyai makna yang tersendiri. Nama merupakan unsur penting dalam sebuah masyarakat khususnya kepada ahli masyarakat yang berkongsi identiti kebudayaan yang sama. Nama dapat membezakan antara satu individu dengan individu yang lain. Oleh hal yang demikian, nama menjadi identiti peribadi dan hak milik mutlak setiap individu. Beberapa maklumat atau gambaran umum tentang pemiliknya dapat diketahui melalui nama seperti jantina, agama, kewarganegaraan, bangsa, bahasa, salasilah keturunan, adat istiadat, sejarah, petempatan dan beberapa maklumat peribadi yang lain.

Setiap masyarakat memiliki tradisi adat yang tersendiri dalam amalan pemberian nama diri. Pemberian nama yang baik tidak dilakukan secara sembarangan dengan hanya memilih satu atau menggabungkan beberapa rangkaian kata daripada senarai entri kamus namun perlu melalui proses penelitian yang meliputi aspek fonetik, fonologi, morfologi dan semantik sesuatu bahasa yang dipilih. Di Malaysia, setiap kelahiran perlu didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengikut perundangan yang ditetapkan di setiap negeri kelahiran iaitu: pertama Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) untuk kelahiran di semenanjung, kedua Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Ordinan 1951 (Sabah Cap. 123) untuk kelahiran di Sabah dan ketiga Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Ordinan 1951 (Sarawak Cap.10) untuk kelahiran di Sarawak. Sistem nama di Malaysia berbeza mengikut bangsa setiap individu. Nama kaum Melayu terdiri daripada dua komponen lazim, iaitu nama individu dan nama bapa. Penambahan bin atau binti merupakan adat kebiasaan kaum Melayu sejak sekian lama yang bertujuan membezakan nama anak dengan nama bapa lebih-lebih lagi sekiranya anak tersebut adalah lelaki. Meninjau penggunaan bin/binti dalam konteks Islam, penggunaan bin atau binti pada asalnya bertujuan menjaga nasab keturunan seperti mana amalan tradisi perletakan nama pada zaman para Rasul, Sahabat, Tabiin, Tabi Tabiin dan seluruh ulama Islam sebagai contoh nama Rasulullah SAW iaitu Muhammad bin Abdullah bin Abdul Motalib (Ibrahim Adham, 2023). Oleh hal yang demikian, penggunaan bin atau binti dianggap penting bagi menjaga institusi kekeluargaan masyarakat Islam daripada sebarang kerosakan seperti mengelirukan susur galur keturunan, menimbulkan fitnah dan menimbulkan konflik dalam isu pembahagian harta pusaka.

Nama masyarakat Melayu yang dibentuk berdasarkan tuntutan Islam umumnya terpengaruh dengan elemen dan unsur linguistik bahasa Arab. Hal ini demikian kerana kedudukan bahasa Arab itu sendiri sebagai bahasa al-Quran dan hadis yang menjadi dua panduan hidup orang Islam. Nama yang pada asalnya berfungsi sebagai identiti setiap individu (Aldrin, 2014) perlulah mencerminkan identiti agama dan bangsa. Penggunaan bahasa Arab dilihat sebagai satu cara memanifestasi identiti keislaman dalam diri setiap individu sekali gus menjadi cerminan peradaban dan pemikiran bangsa Melayu sesuai dengan peribahasa Melayu iaitu “gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati belang, manusia mati meninggalkan nama”. Berpegang kepada adat Melayu lama dan nasihat moral yang terkandung dalam peribahasa ini, masyarakat Melayu melihat kepentingan dalam pemberian nama-nama yang baik kepada anak sebagai suatu usaha pemupukan nilai dan sifat positif dalam kemenjadian seorang anak. Oleh itu

tidak hairanlah, nama masyarakat Melayu sejak generasi Baby Boomers sehingga generasi Alpha (Gen A) sering menunjukkan unsur pengaraban meskipun Islam tidak meletakkan syarat penggunaan bahasa Arab dalam pemberian nama (Dzulkifli Mohamad al-Bakri, 2023). Pada fasa awal kohot generasi iaitu zaman generasi Baby Boomers dan Generasi X (Gen X), masyarakat Melayu masih lagi berpegang kepada prinsip penamaan yang disarankan dalam Islam iaitu nama ringkas dan pendek. Nama gabungan pula menggunakan gabungan nama Abdul dengan salah satu daripada 99 nama Allah. Sebaliknya, pada masa kini nama generasi muda dilihat lebih kompleks dengan jumlah nama yang banyak serta tidak lagi menggunakan kosa kata Arab tipikal dan ejaan baku. Dalam satu konteks yang lain, masyarakat Melayu juga mula melakukan pemodenan dalam konteks ejaan dan sebutan nama. Sebagai contoh nama yang disenaraikan sebagai nama terpanjang di Malaysia iaitu Princess Aura Nurr Ermily Amara Auliya Bidadari Nawal El Zendra (Mohd Husni, 2022). Perubahan orientasi inilah menjadi titik mula hilangnya nama-nama Melayu klasik yang lazim digunakan sekali gus membawa kepada fenomena pengaraban.

Pengaraban merujuk kepada proses penamaan anak dengan mengambil unsur nama daripada bahasa Arab, sama ada secara penuh atau sebahagian. Dalam konteks kajian ini, konsep pengaraban diteliti melalui pendekatan morfologi dan leksikal bahasa Arab, iaitu dengan menelusuri struktur binaan nama serta makna asal perkataan Arab yang digunakan dalam pembentukan nama. Penentuan nama yang menepati takrifan pengaraban dalam kajian ini adalah mengikut tiga kriteria iaitu; pertama nama diambil daripada perkataan Arab fusha iaitu bermaksud bahasa Arab standard dan bukannya bahasa Arab *'amiyah* (dialek), yang kedua nama yang bukan berasal daripada bahasa Arab contohnya nama para Nabi, Rasul dan sahabat Nabi serta tokoh-tokoh Islam mestilah sinonim dalam dunia Islam dan yang ketiga; nama yang digunakan masih memiliki hubungan kognitifnya dengan bahasa Arab, sama ada daripada aspek sebutan, makna dan susunan kata (Asiah & Noor Fadilah, 2019).

Setiap nama ditinjau dengan merujuk kepada dua aspek; pertama morfologi iaitu pembentukan kalimah (*mīzān ṣarfī*) dan kedua aspek leksikal iaitu merujuk kepada makna harfiah. *Mīzān ṣarfī* ialah istilah dalam bahasa Arab yang merujuk kepada tiga huruf yang menjadi komponen dasar dalam pembentukan sesuatu perkataan (Ashafizrol, 2015a). Huruf-huruf tersebut ialah *fa* (ف), *'ain* (ع) dan *lam* (ل), yang kemudiannya akan dikembangkan mengikut keperluan dan kehendak pengguna bahasa. Dengan kata lain, *mīzān ṣarfī* boleh difahami sebagai acuan yang menjadi panduan dalam menentukan bentuk perubahan sesuatu perkataan. Sebagai contoh, perkataan *ḥamada* (حمد) dibina berdasarkan *mīzān ṣarfī* yang terdiri daripada tiga huruf asal iaitu ḥa (ح), mim (م) dan dal (د). Perkataan ini seterusnya dikembangkan mengikut pelbagai bentuk *mīzān ṣarfī* yang lain sehingga membentuk pelbagai perkataan baharu yang juga digunakan sebagai nama, seperti Hamid, Hamidah, Mahmud, Mahmud, Mahmudah, Hamdan, Hammad, Muhammad, Ahmad, Ihmad dan sebagainya. Selain itu, *mīzān ṣarfī* turut membantu penutur bukan Arab untuk membaca kalimah Arab dengan baris yang betul, berdasarkan acuan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, nama *Muhammad* dibina berdasarkan acuan *ḥammada – yuḥammidu – Muḥammad*, lalu disebut secara konsisten sebagai *Muhammad*. Sehubungan itu, kita tidak pernah mendengar nama ini dieja atau disebut selain daripada bentuk tersebut, seperti *Mahammad*, *Mihammad*, *Muhammad*, atau *Muhammad* kecuali bagi tujuan variasi ejaan dan sebutan. Seterusnya, nama-nama yang bukan berasal daripada bahasa Arab fusha turut dipilih dengan syarat nama tersebut mempunyai hubungan yang kuat dengan Islam seperti nama para Nabi, nama para Nabi, Rasul dan sahabat Nabi serta tokoh-tokoh Islam yang sinonim dalam dunia Islam.

Kajian Literatur

Kajian onomastik khususnya kajian nama dari kaca mata linguistik Arab lebih banyak dipelopori oleh pengkaji Indonesia. Terdapat beberapa kajian linguistik yang dilakukan terhadap nama masyarakat Indonesia dalam konteks umum (Ilfiana Iffah Jihada, 2019; Rifa Rafkahanun & Agus Nero Sofyan, 2021; Hermendra, 2022; Nur Rini et al., 2019 dan juga kajian yang memfokuskan kepada masyarakat Muslim tertentu seperti masyarakat Jawa (Eric Kunto Aribowo & Nanik Herawati, 2016; Carla Sih Prabandari, 2017; Askuri & Kuipers, 2018; Prameswari Dyah Gayatri, et al., 2021 dan masyarakat Aceh (Sri Astuti A.Samad, 2015; Indra Setia Bakti et al., 2018; Khairul Fajry, 2020; Halimatussakdiah & Mulyadi, 2021). Sumbangan kajian-kajian ini dapat digunakan untuk memahami pola penamaan masyarakat Malaysia khususnya nama kaum Melayu kerana Malaysia dan Indonesia merupakan dua buah negara serumpun yang memiliki hubungan sejarah dan kebudayaan yang amat rapat dan saling berkait. Selain daripada itu, masyarakat Jawa dan Aceh di Indonesia turut mempunyai ciri persamaan

dengan kaum Melayu di Malaysia iaitu dari aspek pengaruh ajaran Islam khususnya dalam adat istiadat. T. Ibrahim Alfian (1986: 125-130) menyatakan bahawa ajaran Islam mendasari cara hidup masyarakat Muslim di Indonesia mulai dari adat pernikahan, upacara kelahiran anak, upacara turun tanah, akikah dan pemberian nama, euntat beuet, atau antat mangaji dan memperdalam ilmu tauhid dan adat sopan santun.

Secara umum, nama masyarakat Indonesia khususnya masyarakat muslim seperti Jawa telah menunjukkan ciri pergeseran nama diri daripada amalan kebiasaan iaitu dengan memasukkan unsur bahasa Arab dan menerapkan standard baru dalam sistem penamaan diri (Eric, 2020). Pergeseran atau fenomena pengaraban ini dipengaruhi oleh sudut pandang ibu bapa dalam amalan pemberian nama (Nur Rini et al., 2019). Perbahasan kajian nama Arab di Indonesia cukup luas merangkumi beberapa tataran linguistik seperti aspek fonologi, semantik dan morfologi seperti kajian yang dijalankan oleh (Ilfiana Iffah Jihada, 2019). Kajian Rifa Rafkahanun & Agus Nero Sofyan (2021) menggunakan pendekatan yang hampir sama dengan kajian ini iaitu mengkaji pembentukan nama diri masyarakat Indonesia dari aspek morfologi dan semantik. Kajian Hermendra (2022) juga mengkaji nama mahasiswa universiti Riau dari aspek bentuk dan jenis makna nama diri. Dapatkan kajian yang menunjukkan 40 peratus daripada gen Z menggunakan nama yang diambil daripada bahasa Arab membuktikan kebenaran andaian awal kajian bahawa Indonesia turut mengalami fenomena pengarabannya yang tersendiri.


Seiring dengan perkembangan zaman, polemik dan perbincangan kajian onomastika di Indonesia juga mengalami perubahan orientasi. Kajian mula menongkah arus paradigma dengan mengkaji pengaruh bahasa asing selain daripada bahasa Arab seperti kajian oleh Khairul Fajr (2020) yang mula mengkaji pengaruh bahasa asing iaitu bahasa Inggeris dan Eropah dalam sistem nama masyarakat Aceh. Sama seperti kesan bahasa Arab, unsur-unsur bahasa barat turut meninggalkan jejak mereka pada fonem dan morfem nama masyarakat Indonesia. Kajian juga membuktikan masyarakat Aceh turut membuat perubahan dengan menggunakan nama tokoh Islam dari dunia barat. Dalam konteks semantik yang sama, kajian Halimatussakdiah & Mulyadi (2021) mengkaji makna nama peribadi dan mengaitkan nama dengan beberapa elemen sosiolinguistik seperti susunan kelahiran, fizikal dan tradisi budaya setiap individu. Kajian yang dilakukan oleh Prameswari Dyah et.al (2021) turut menunjukkan dapatan bahawa masyarakat Jawa khususnya Gen A mula meminjam nama-nama bahasa Inggeris.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed-method*) yang menggabungkan elemen kualitatif dan kuantitatif, dengan soal selidik digunakan sebagai instrumen utama bagi tujuan pengumpulan data. Penggunaan soal selidik yang dijalankan secara dalam talian menggunakan perisian Google Form memudahkan proses pengumpulan data kajian dilakukan secara pengurusan sendiri (*self-administed*). Soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu: Bahagian A (Data Demografi) merupakan soalan terbuka yang meminta responden memberikan data genealogi keluarga iaitu senarai nama salasilah keluarga dari generasi tertua sehingga generasi termuda. Bahagian B terdiri daripada 28 item soalan yang mempunyai perkaitan dengan persepsi peribadi terhadap nama diri sendiri. Namun yang demikian, dapatan bagi bahagian ini tidak dibentangkan dalam penulisan ini memandangkan ia berada di luar skop objektif kajian. Hasil analisis bagi bahagian tersebut akan diuraikan dalam penulisan yang berasingan disebabkan kekangan ruang dan fokus penyelidikan semasa.

Pengumpulan data kajian iaitu senarai nama masyarakat Melayu adalah menggunakan teknik pensampelan bola salji (Snow ball Sampling) atau pengambilan sampel rujukan berantai. Pemilihan teknik ini dilihat membantu pengkaji memperoleh senarai nama yang mencakupi lima generasi iaitu; generasi tertua merupakan generasi Baby Boomers (1946-1964), diikuti Gen X (1965-1980), Generasi Y atau *Millenials* (1981-1996), Gen Z (1997-2012) dan Gen A yang lahir selepas tahun 2010. Dalam peringkat analisis, *Teori Analisis Kesalahan* oleh Corder (1974) digunakan sebagai rujukan untuk membantu mengenal pasti bentuk-bentuk kesalahan linguistik yang wujud dalam proses pengaraban nama, khususnya dari aspek leksikal dan morfologi.

Rajah 1 Teknik Pengumpulan Data Kajian



Rajah 1 menunjukkan teknik pengumpulan data kajian yang diambil daripada susur galur sampel merangkumi generasi tertua iaitu datuk dan nenek sebelah ibu, datuk dan nenek sebelah bapa, ibu, bapa, adik-beradik sebelah ibu, adik beradik sebelah bapa, adik beradik responden dan anak saudara. Pada awal pengumpulan data, pengkaji memilih sampel pertama dan meminta bantuan daripada sampel untuk memberikan maklumat data kajian dalam skop yang lebih luas. Sampel pertama merupakan 54 orang pelajar universiti awam. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu; beragama Islam, ciri nama menunjukkan unsur pengaraban yang jelas dan merupakan salah seorang daripada lima golongan generasi tumpuan kajian. Sampel yang dipilih merupakan golongan generasi Z yang lahir sekitar tahun 2001-2003. Pemilihan pelajar sebagai sampel pertama adalah kerana kelebihan pengetahuan teknologi dan latar belakang pendidikan yang dimiliki oleh sampel. Sampel dapat menjawab soal selidik secara dalam talian dan menjawab soalan secara sendiri tanpa masuk campur pengkaji.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 Senarai Nama Data Kajian


Ahli keluarga	Jumlah
Responden (pelajar)	54
Bapa responden	54
Adik beradik sebelah bapa	93
Datuk sebelah bapa	21
Nenek sebelah bapa	24
Ibu responden	54
Adik beradik sebelah ibu	77
Datuk sebelah ibu	23
Nenek sebelah ibu	30
Adik beradik responden	178
Anak saudara (anak kepada adik-beradik)	48
Jumlah	656

Jadual 1 menunjukkan ahli keluarga responden yang terlibat secara tidak langsung dengan kajian yang dijalankan. Daripada jumlah responden seramai 54 orang, pengkaji berjaya memperoleh sebanyak 656 nama daripada susur galur responden. Senarai nama dianalisis satu persatu dan dibahagikan mengikut kategori generasi.

Jadual 2 Pembahagian Nama Mengikut Generasi

Generasi	Jumlah responden	Nama yang dianalisis
Baby Boomers	102	70
Gen X	209	177
Gen Y	157	147
Gen Z	125	125
Alpha	63	63
Jumlah	656	582

Rajah 3 Nama yang dianalisis




Jadual 2 menunjukkan pembahagian nama mengikut kohot generasi berdasarkan tahun kelahiran atau umur. Dapatan kajian merangkumi lima generasi dengan jumlah keseluruhan data sebanyak 582 nama. Nama daripada kalangan Generasi Alpha merupakan yang paling sedikit, memandangkan kebanyakan adik-beradik responden tergolong dalam Generasi Z dan masih belum berkahwin. Justeru, dapatan kajian yang melibatkan Generasi Alpha tertakluk kepada kemungkinan perubahan dalam kajian akan datang. Daripada jumlah tersebut, pengkaji telah meneliti dan memilih nama-nama yang memperlihatkan ciri pengaraban yang paling ketara. Rajah 3 menggambarkan bilangan nama yang telah dianalisis bagi setiap generasi. Bagi Generasi Z dan Alpha, kesemua nama yang diperoleh dianalisis tanpa sebarang pengecualian kerana kesemuanya memenuhi kriteria pengaraban yang ditetapkan.

Daripada analisis keseluruhan data kajian, didapati bahawa terdapat beberapa nama yang mengandungi kesilapan dari aspek ejaan, sebutan dan makna. Berdasarkan pendekatan Teori Analisis Kesalahan, kesemua kesalahan ini telah dikategorikan kepada empat aspek utama, iaitu fonetik dan fonologi, morfologi, semantik serta sintaksis. Walau bagaimanapun, perincian hasil analisis secara mendalam tidak dibentangkan dalam kajian ini disebabkan keterbatasan ruang penulisan. Sebaliknya, kajian ini hanya memberikan gambaran umum terhadap bentuk-bentuk kesalahan nama berdasarkan struktur dan proses pembentukan pengaraban nama. Huraian terperinci bagi setiap kategori kesalahan akan dihuraikan dalam penulisan yang berasingan, yang memfokuskan secara khusus kepada aspek analisis kesalahan.

Jadual 3 Bentuk Pengaraban Nama

Bentuk Pengaraban	Frekuensi	Peratus
BM + BA	59	10.14
KNT	304	52.23
M2N	158	27.15
M3N	55	9.45
M4N	4	0.69
<i>Fi'l</i>	2	0.34
Jumlah	582	100

Rajah 4 Struktur Nama Masyarakat Melayu di Sabah



Jadual 3 menunjukkan enam bentuk pengaraban nama yang dikenal pasti dalam kalangan masyarakat Melayu di Sabah. Penggolongan ini dibuat berdasarkan aspek leksikal dan morfologi, iaitu merujuk kepada asal-usul pembentukan nama. Kategori pertama ialah gabungan unsur nama Melayu dengan nama Arab (BM+BA); kedua, penggunaan satu kata nama (KNT); ketiga, Murakkab Dua Nama (M2N); keempat, Murakkab Tiga Nama (M3N); kelima, Murakkab Empat Nama (M4N); dan keenam, penggunaan *Fi'l* (kata kerja). Berdasarkan Jadual 3, bentuk pengaraban dalam kategori KNT dan M2N menunjukkan nilai yang paling signifikan berbanding kategori lain, iaitu masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 52.23 peratus dan 27.15 peratus. Sementara itu, dapatan kajian dalam Rajah 4 memperlihatkan bahawa penggunaan nama yang masih mengekalkan unsur nama Melayu asli adalah amat rendah, iaitu hanya 10.14 peratus, berbanding dengan lima bentuk pengaraban lain yang menggunakan bahasa Arab sepenuhnya sebanyak 89.86 peratus (523 orang).

1. BM+BA

Jadual 5 Gabungan Nama Melayu dengan Arab

Generasi	Baby Boomers	Gen X	Gen Y	Gen Z	Jumlah
BM + BA	2	24	23	10	59

Jadual 5 memperlihatkan bentuk pengaraban kategori pertama, iaitu gabungan unsur nama bahasa Melayu dengan bahasa Arab dalam satu nama. Gabungan unsur BM+BA ini didapati lebih dominan dalam kalangan Generasi X, memandangkan generasi ini mula menerima pengaruh bahasa Arab dalam sistem penamaan, namun pada masa yang sama masih mengekalkan elemen nama Melayu asli. Antara unsur nama Melayu yang lazim digunakan dalam gabungan ini termasuklah Awang (Ag.), Dayang (Dg.), Dayang Ku (Dk.), Siti, Puteri, Dewi, Intan dan lain-lain. Beberapa generasi muda seperti Generasi Y dan Z turut menggunakan bentuk pengaraban ini. Namun, perbezaannya terletak pada jumlah elemen dalam nama dan keterlihatan ciri pengaraban yang lebih ketara, sama ada dari segi

makna mahupun sebutan. Antara contoh nama yang tergolong dalam kategori ini ialah: Siti Nur Naaem (1992), Dk Nuraida Elina (1993), Siti Nur Qalelah (1995), Dk. Zuhairah Nadhirah (1999), Siti Nur Asmaida (1997), Siti Nur Asmadeana (2002), Siti Nur Syahirah (2004) dan Awang Rashdan Adib (2007). Selain itu, terdapat juga beberapa nama yang menggunakan unsur "Abdul" di awal nama seperti Abdul Awing, Abdul Hari, Abdul Aji, Abdul Mandang, Abdul Sani dan Abdul Shah. Pengkaji meletakkan nama-nama ini dalam kategori BM+BA kerana nama-nama tersebut tidak menepati garis panduan nama Islam yang menetapkan bahawa nama "Abdul" perlu digabungkan dengan salah satu daripada 99 nama Allah. Hal ini demikian kerana "Abdul" berasal daripada perkataan Arab 'abd (عبد) yang bermaksud hamba dan sepatutnya menjadi kekhususan untuk Allah SWT sahaja, bagi mengelakkan unsur syirik dalam penamaan.

2. Satu Kata Nama (*ism*)

Jadual 6 Satu Kata Nama (*ism*)

Generasi	Baby Boomers	Gen X	Gen Y	Gen Z	Alpha	Jumlah
KNT	57	137	69	32	9	304

Jadual 6 menunjukkan bentuk pengaraban kategori kedua, iaitu Satu Kata Nama (SKN). Bentuk ini merujuk kepada penggunaan satu perkataan yang diambil daripada *ism* (kata nama) sebagai nama diri. Dalam bahasa Arab, *ism* bermaksud kata yang digunakan untuk merujuk kepada manusia, haiwan, benda atau unsur abstrak (Ashafizrol, 2015b). Kategori SKN merupakan kategori tertinggi dalam kajian ini, mencatatkan sebanyak 52.23 peratus (304 orang), iaitu melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan data. Generasi X yang paling ramai menggunakan bentuk ini, sekali gus menunjukkan bahawa fenomena pengaraban telah menjadi amalan kebiasaan dalam kalangan masyarakat Melayu sejak generasi ini.

Dari sudut morfologi, nama dalam kategori ini boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama, kategori nama yang merujuk kepada sesuatu yang bersifat fizikal dan boleh dikesan melalui pancaindera, seperti Ramli (pasir), Amir (putera raja), Hajul (hajl – gelang), dan Raihan (tumbuhan hijau yang wangi). Kedua, ialah kategori nama yang merujuk kepada unsur abstrak yang tidak dapat disentuh, dilihat atau dirasai. Pemilihan nama daripada kategori ini lebih bersifat langsung yang mana sebutan dan maksud nama adalah sama seperti tertulis di dalam kamus. Sebagai contoh, pengkaji merujuk Kamus Oxford Fajar Bahasa Melayu-Bahasa Arab/Bahasa Arab-Bahasa Melayu (2005) dan kamus Al-Khalil (2006) untuk mencari makna nama berikut; Ahmad (terpuji), Amin (yang amanah), Jalili (yang agung), Aziz/Azizah (yang disayangi), Mukmin (yang beriman), Gani (kaya), Halimah (yang sabar, murah hati), Hamid (yang terpuji), Salwa (rasa senang hati), Khairul (kebaikan), Rahman (penyayang) dan lain-lain. Selain daripada kamus atau buku panduan Islam, masyarakat Melayu juga biasanya mengambil nama daripada kalangan para Nabi, Rasul, Sahabat dan tokoh soleh dan solehah yang sinonim dengan dunia Islam. Nama dalam kategori ini biasanya digunakan sebagaimana asal tanpa diubah dari segi ejaan atau sebutan. Makna nama juga diambil kira kerana masyarakat percaya bahawa pemilihan nama yang baik boleh mencerminkan harapan ibu bapa terhadap peribadi dan akhlak anak-anak mereka. Antara contoh nama lelaki yang ditemui ialah Yahya, Isa, Sulaiman, Ayub, Harun, Hussin, Osman, Usman, Ismail, Yakub, dan Ibrahim. Manakala bagi perempuan pula ialah Zainab, Aminah, Khadijah, Mariam, Salamah, Aisyah, Salmah, Zulaikha dan lain-lain.

Namun begitu, perlu diberi perhatian bahawa tidak semua perkataan atau nama yang diambil daripada bahasa Arab atau al-Quran menjamin maksud yang baik. Keterujaan masyarakat dalam meminjam kata daripada bahasa asing, khususnya bahasa Arab, perlu disertai dengan ketelitian dalam memahami asal-usul serta konteks penggunaannya. Pemilihan nama seharusnya membawa nilai yang positif dan mempunyai makna. Makna di sini bukan sekadar merujuk kepada makna leksikal semata-mata, tetapi juga melibatkan nilai falsafah yang tersirat di sebalik pemilihan nama tersebut. Ini penting kerana terdapat beberapa nama responden dalam kajian ini yang memerlukan penelitian lanjut untuk memahami makna dan tujuan asal pemberian nama tersebut. Sebagai contoh, nama "Isnani" yang secara literal bermaksud "dua" (اثنان) tidak membawa sebarang konotasi keperibadian atau nilai positif tertentu apabila digunakan sebagai nama individu. Ia lebih bersifat angka dan bukan nilai murni. Begitu juga

dengan nama “Ramli” yang berasal daripada perkataan Arab *rāmil* (رمل) bermaksud “pasir”, mungkin diberikan kerana pertimbangan fonetiknya yang lembut dan mesra sebutan dalam kalangan masyarakat tempatan.

Walau bagaimanapun, dari sudut makna, istilah ini tidak membawa nilai simbolik yang menonjol dalam konteks akhlak, spiritualiti mahupun falsafah kehidupan. Nama “Quraissy” pula merujuk kepada satu kabilah Arab iaitu kaum Quraissy yang bersifat sandaran kepada sesuatu tempat atau kaum dan bukannya nama peribadi yang lazim. Penggunaan nama ini tanpa kefahaman akan asal-usulnya boleh menyebabkan kekeliruan tentang identiti atau nilai yang ingin dibawa. Begitu juga dengan nama Mansor (منصور – “yang dibantu”) dan Nasrullah (نصر الله – “pertolongan Allah”). Walaupun pada zahirnya membawa maksud yang baik, ia bersifat sangat umum dan memerlukan penyesuaian agar tidak menjadi terlalu klise atau digunakan tanpa penghayatan nilai yang terkandung di sebaliknya. Nama Raqib (راقب) pula bermaksud “yang mengawal” atau “yang memerhati”, yang juga merupakan antara Asmaul Husna. Penggunaannya sebagai nama perlu dengan awalan yang sesuai seperti ‘Abdul’ untuk mengelakkan kekeliruan dalam aspek akidah. Contoh seterusnya, nama seperti Romzi yang berasal daripada kata ramz (رمز) bererti “simbol” atau “tanda” membawa maksud yang terlalu abstrak, manakala Hasbi (حسبي – “cukup bagiku”) walaupun merupakan ungkapan spiritual yang biasa digunakan dalam doa, mungkin tidak sesuai dijadikan nama peribadi tanpa memahami konteks asal. Nama seperti Satira (ستيرة) yang membawa maksud “menutup” atau “menyembunyikan” dan Salbiah (سلبية) yang bermaksud “negatif” atau dikaitkan dengan sifat was-was juga memperlihatkan bahawa bukan semua nama Arab sesuai dijadikan nama anak. Tanpa disedari, sesetengah nama ini berpotensi membawa makna yang tidak selari dengan nilai positif yang ingin ditanam dalam diri anak-anak.

3. Murakkab Dua Nama

Jadual 7 Murakkab Dua Nama

Generasi	Baby Boomers	Gen X	Gen Y	Gen Z	Alpha	Jumlah
M2N	9	16	46	55	32	158

Jadual 7 menunjukkan bentuk pengaraban kategori ketiga, iaitu *Murakkab Dua Nama* (M2N). Istilah *murakkab* dalam bahasa Arab merujuk kepada gabungan sekurang-kurangnya dua kata nama. Berbeza dengan kategori BM+BA (gabungan bahasa Melayu dan Arab), kategori ini memperlihatkan gabungan dua nama yang kedua-duanya berasal daripada bahasa Arab sepenuhnya. Antara contoh yang lazim termasuk gabungan nama ‘Abd dengan salah satu daripada 99 nama Allah, seperti *Abdul Hamid*, *Abdul Rahim*, *Abdul Salam*, *Abdul Rahman*, *Abdul Wahab*, dan *Abdul Ghaffar*. Selain itu, contoh lain Murakkab duan ama seperti penggunaan nama *Muhammad* dan *Nur*, yang sering dieja dalam pelbagai bentuk seperti *Mohd.*, *Md.*, *Mohammad*, *Nor*, dan *Noor*. Oleh kerana nama-nama ini bersifat umum dan meluas penggunaannya, ibu bapa lazimnya akan menambah satu lagi kata nama Arab bagi memberikan pengkhususan identiti kepada seseorang individu. Gabungan ini bukan sahaja bertujuan memperkaya makna, malah membantu membezakan seseorang daripada individu lain yang turut menggunakan nama Muhammad atau Nur sebagai elemen utama dalam penamaan.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa dalam penggunaan nama Arab sepenuhnya, masyarakat Melayu — khususnya dalam kalangan generasi muda — semakin cenderung kepada pemodenan ejaan nama-nama Arab. Pemodenan ini pada dasarnya bertujuan untuk menyesuaikan fonem-fonem Arab dengan sistem ejaan bahasa Melayu serta menggantikan bentuk ejaan baku dengan kaedah yang lebih kontemporari dan praktikal. Antara bentuk pemodenan yang dikenal pasti termasuk penggunaan sistem ejaan gandaan vokal seperti “ii”, “ee”, “ie”, “uu” dan “aa” bagi mewakili bunyi panjang atau *mad* dalam bahasa Arab. Nama-nama seperti *Radzie*, *Hamlie*, *Syukrie*, *Sofrie*, *Nureen*, *Azmee* dan *Adeeb* merupakan antara contoh yang menggambarkan usaha penggayaan ejaan ini. Selain itu, masyarakat Melayu juga dilihat semakin terbuka untuk memilih nama yang mengandungi fonem Arab yang tidak wujud dalam sistem fonem bahasa Melayu. Hal ini dapat diperhatikan melalui penggunaan fonem seperti *h* (ح) dalam nama *Hafizuddin*, *Hafiez*, *Hafiyi*; *kh* (خ) dalam nama *Khairuddin*, *Ikhwana*, *Khairulnizam*; *dh* atau *dz* (ذ) dalam nama *Dzulfiqry*, *Nadhim*, *Radzie*; *sy* (ش)

dalam nama *Syazwamie*, *Shuhada*, *Sharil*, *Syafiq*, *Syukri*, *Syahmi*, *Asyraf*; *ṣ* (ص) dalam nama *Sofri*, *Sofiah*, *Saufi*; *ḍ* (ض) dalam nama *Radiah*, *Fadhlān*, *Fadhlīn*, *Fadhil*; *‘ain* (ع) dalam nama *Alia*, *Izzah*; *gh* (غ) dalam nama *Ghaisani*, *Ghazna*; serta *q* (ق) dalam nama *Quzzairi*, *Aqilah*, *Atiqah* dan *Qasrina*.

Dari sudut fonetik dan fonologi, masyarakat Melayu juga semakin terpengaruh dengan sistem sebutan bahasa Arab, khususnya penggunaan *syaddah* (ّ), iaitu penggandaan konsonan. Fenomena ini dapat diperhatikan dalam beberapa nama seperti *Syamilla* (daripada *Syamila* yang bermaksud menyeluruh atau berakhlak), *Amrull* (daripada *Amr* atau *Amrul* yang bermaksud perintah atau urusan), *Syariffah* (daripada *Syarifah* yang membawa makna mulia), dan *Syakillah* (daripada *Syakilah* yang bermaksud corak atau semula jadi). Walau bagaimanapun, perubahan kecil pada aspek sebutan — meskipun hanya melibatkan satu huruf atau fonem — sebenarnya boleh memberi kesan besar terhadap makna asal sesuatu nama. Dalam konteks bahasa Arab, penggandaan konsonan sering membawa kepada perubahan makna secara keseluruhan. Sebagai contoh, nama-nama yang disebutkan tadi pada asalnya mempunyai makna yang baik dalam bahasa Arab, penambahan bunyi *syaddah* telah menyebabkan nama tersebut terkeluar daripada bentuk asal dan seterusnya kehilangan nilai semantik yang asal. Maka, dapat disimpulkan bahawa kecenderungan terhadap pemodenan ejaan dan pengaruh bunyi Arab dalam pembentukan nama perlu disertai dengan kefahaman terhadap sistem makna agar nilai simbolik dan keindahan bahasa sumber tetap terpelihara

4. Murakkab Tiga Nama

Jadual 8 *Murakkab Tiga Nama*

Generasi	Gen Y	Gen Z	Alpha	Jumlah
<i>Murakkab Tiga Nama</i>	9	25	21	55

Jadual 8 memperlihatkan kategori keempat dalam bentuk pengaraban, iaitu penggunaan Murakkab Tiga Nama (M3N). Hasil kajian menunjukkan bentuk ini lebih banyak digunakan oleh generasi muda seperti Generasi Y, Z dan Alpha. Perkara ini sekali gus memberikan gambaran bahawa bentuk pengaraban Kata Nama Tunggal (KNT) berkemungkinan akan digantikan dengan sistem nama murakkab yang lebih panjang, sama ada terdiri daripada dua, tiga, empat nama atau lebih. Fenomena inilah yang akan menjadi anjakan kepada penjelmaan baharu sistem nama Melayu sekali gus menghapuskan nama Melayu asli.

Berbeza dengan Murakkab Dua Nama (M2N) yang biasanya lebih ringkas dan tradisional, gabungan tiga nama dalam M3N lazimnya bertujuan menambah makna atau memperluas maksud yang ingin disampaikan. Namun demikian, dalam kebanyakan keadaan, pemilihan nama yang termasuk dalam kategori ini menyebabkan makna yang dihasratkan oleh pemberi nama tersasar daripada maksud asal, dan terjemahannya pula akan kelihatan janggal dalam pandangan penutur natif bahasa Arab. Dalam konteks ini, individu Arab yang memahami makna nama secara spontan mungkin akan menganggap nama tersebut kurang sesuai untuk dijadikan nama peribadi kerana tidak selari dengan struktur sintaksis atau semantik Arab yang sebenar. Dalam kebanyakan kes, analisis terhadap nama hanya dapat dilakukan pada tahap pengertian leksikal, manakala pemahaman terhadap makna sebenar atau falsafah di sebalik pemberian nama memerlukan penjelasan lanjut daripada ibu bapa atau rujukan kepada pakar bahasa.

Sebagai contoh, nama seperti Nur-Diyanah-Afiqah (cahaya-keagamaan-yang memuncak ilmunya), Nurul-Atieqqah-Nadia (cahaya-yang merdeka-), Mohammad-Akmal-Hakim (yang terpuji-yang lebih sempurna-bijaksana), Nur-Eman-Fitri (cahaya-keimanan-berbuka puasa), Mohammad-Syukur-Azmi (yang terpuji-kesyukuran-keazaman), dan Mohd-Syamil-Imtiyaz (yang terpuji-meliputi/melengkapi) merupakan antara nama yang sukar ditafsirkan secara holistik tanpa memahami konteks pemberian nama tersebut. Walaupun terdapat nama yang mempunyai jalinan makna yang tersusun, terdapat juga nama yang maknanya kelihatan tidak terhubung secara sintaktik atau semantik. Oleh itu, dalam kebanyakan situasi, makna keseluruhan atau falsafah pemberian nama hanya dapat difahami dengan merujuk secara langsung kepada pemberi nama, iaitu ibu bapa atau penjaga.

Dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa bentuk pengaraban nama dalam kategori ini banyak didominasi oleh generasi muda, khususnya Generasi Z dan Generasi Alpha. Fenomena ini dapat dikaitkan dengan perubahan konteks sosiobudaya pada era kelahiran mereka sekitar tahun 1990-an,

apabila masyarakat Melayu sudah semakin terbiasa dan sehati dengan kosa kata pinjaman daripada bahasa Arab. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), lebih daripada 2,000 kata dalam bahasa Melayu merupakan pinjaman daripada bahasa Arab. Satu penemuan menarik dalam kajian ini ialah evolusi pengaraban nama merentasi kohort generasi. Kefahaman dan kearifan ibu bapa terhadap sistem grafologi dan prinsip transliterasi bahasa Arab dilihat semakin meningkat dari satu generasi ke generasi berikutnya. Hal ini dapat dilihat melalui trend penamaan yang lebih konsisten dan tepat dalam kalangan generasi muda. Misalnya, masyarakat Melayu kini lebih cenderung mengekalkan ejaan penuh dan sah bagi nama seperti *Muhammad*, berbanding ejaan ringkas seperti *Mohd.*, *Md.*, atau *Muhd.* yang lazim digunakan dalam generasi terdahulu. Begitu juga dengan nama perempuan, ejaan seperti *Noor* atau *Nor* semakin digantikan dengan bentuk *Nur* yang lebih autentik dan sejajar dengan prinsip transliterasi Arab. Selain itu, kecenderungan untuk memodenkan ejaan turut dikesan, antaranya melalui penggantian fonem, penggandaan huruf, atau penciptaan bentuk baharu yang menyerupai fonologi Arab seperti *Naaem* (Naim), *Atieqqah* (Atiqah), *Hafifie* (Hafifi), *Qhalelah* (Qalilah), *Aleeya* (Aliya), *Dyana* (Diyanah), *Nazeefah* (Nazifah), *Haqiem* (Hakim), *Azizie* (Azizi), dan *Hyqall* (Haikal). Evolusi ini memperlihatkan wujudnya satu bentuk pembaharuan dalam pengadaptasian nama Arab ke dalam konteks sosio-budaya Melayu kontemporari.

Penyesuaian fonem Arab ke dalam sistem bahasa Melayu sememangnya dibolehkan, khususnya dalam konteks pembentukan nama, asalkan dilakukan dengan berteraskan kearifan dan pemahaman yang mendalam terhadap sistem grafologi serta fonologi bahasa Arab. Hal ini penting kerana bahasa Arab merupakan sebuah bahasa yang sangat sensitif terhadap perubahan bunyi dan ejaan disebabkan oleh kerumitan struktur morfologi dan semantik yang dimilikinya. Sebagai contoh, perbezaan fonem /k/ dan /q/ dalam dua perkataan seperti *kalbun* (كَلْبٌ) yang bermaksud ‘anjing’ dan *qalbun* (قَلْبٌ) yang bermaksud ‘hati’ jelas menunjukkan bahawa pertukaran satu fonem sahaja boleh menghasilkan makna yang bukan sahaja berlainan, malah berpotensi mencetuskan kekeliruan atau ketidakwajaran dari segi makna. Begitu juga dalam perbandingan antara *fiqr* (فَقْرٌ) ‘kefakiran’ dan *fikr* (فِكْرٌ) ‘pemikiran’, yang sekilas tampak hampir sama, namun membawa konotasi semantik yang sangat berbeza. Oleh hal yang demikian, proses penyesuaian fonem Arab ke dalam bentuk ejaan Melayu tidak wajar dilakukan secara sewenang-wenangnya, lebih-lebih lagi semata-mata berasaskan pertimbangan estetika atau trend. Sebaliknya, ia menuntut kefahaman mendalam terhadap sistem linguistik Arab agar maksud asal tidak tersasar, sekaligus memelihara kejelasan semantik dan ketepatan makna dalam pemberian nama. Tindakan yang berhati-hati dalam hal ini bukan sahaja mengekalkan keindahan nama, bahkan menghormati nilai linguistik dan budaya yang dibawa oleh nama tersebut.

5. Murakkab Empat Nama

Jadual 9 *Murakkab Empat Nama*

Generasi	Gen Z	Gen A	Jumlah
M4N	3	1	4

Jadual 9 menunjukkan kategori kelima dalam fenomena pengaraban nama, iaitu *Murakkab Empat Nama*. Berdasarkan pemerhatian terhadap data kajian, kategori ini lebih dominan dalam kalangan generasi terkini, khususnya Generasi Alpha (Gen A). Namun demikian, dari sudut kuantitatif, dapatan kategori ini masih belum signifikan memandangkan jumlah data nama bagi Gen A merupakan yang paling rendah berbanding generasi-generasi lain dalam kajian ini, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Walau bagaimanapun, realiti semasa menunjukkan kecenderungan ke arah pembentukan nama empat komponen ini semakin meningkat, sebagaimana yang tercermin melalui pelbagai aduan dan rungutan yang tular di media sosial serta laporan berita yang membangkitkan isu kepanjangan nama dalam kalangan murid sekolah rendah masa kini. Antara contoh nama yang mewakili kategori ini termasuklah *Mohd Shahrul Nizam Shah*, *Nurul Ain Nurul Syuhada*, *Nurul Ain Eryna Farzana*, dan *Adika Azmirul Razwian*. Keempat-empat nama ini menggambarkan kecenderungan ibu bapa moden untuk menggabungkan elemen-elemen nama yang bukan sahaja panjang, bahkan terdiri daripada komponen makna yang tidak semestinya memiliki hubungan sintaktik atau semantik yang padu. Fenomena ini juga menonjolkan pengaruh pertimbangan estetik dalam proses pemilihan nama, di mana

unsur keindahan bunyi atau kepelbagaian komponen lebih diutamakan berbanding keutuhan makna secara keseluruhan.

Meninjau amalan pemberian nama dalam kalangan masyarakat Arab, amalan sebegini sebenarnya bertentangan dengan tradisi penamaan yang lazim dan berstruktur. Masyarakat Arab secara tipikal mengekalkan bentuk penamaan yang lebih ringkas dan tersusun, iaitu satu nama peribadi seperti *Ahmad*, *Muhammad*, atau *Salman*, yang digabungkan dengan nama bapa untuk membentuk identiti penuh, contohnya *Ahmad Husain*. Dalam kes tertentu, penambahan nama datuk atau moyang turut dilakukan untuk melengkapkan rantaian nasab, seperti *Ahmad bin Husain bin Muhammad*, atau dalam bentuk yang lebih formal seperti *Ahmad Husain Muhammad ibn Sa'ud al-Tikriti*. Nama keluarga pula biasanya didahului dengan *Al-* atau *El-* sebagai penanda identiti kabilah atau keturunan, seperti *al-Tikriti*, *al-Farouqi*, atau *al-Zahabi* (*guided name*). Selain itu, walaupun masyarakat Arab turut mengamalkan penggunaan bentuk *murakkab*, struktur nama murakkab dalam tradisi Arab menekankan hubungan makna yang erat antara unsur-unsurnya. Sebagai contoh, nama seperti *Abdullah* (عبد الله) membawa maksud ‘Hamba Allah’, *Abd al-Rahman* (عبد الرحمن) bermaksud ‘Hamba kepada Yang Maha Penyayang’, dan *Habiballah* (حبيب الله) yang bermakna ‘Kekasih Allah’. Nama-nama ini lazimnya ditulis secara bersambung tanpa jarak atau dipisahkan dengan tanda penghubung seperti sengkang, contohnya *Abd-Allah* atau *Habib-Allah*, bagi menunjukkan kesatuan makna antara unsur yang membentuk nama tersebut. Setiap komponen dalam nama ini saling melengkapi secara semantik, bukan sekadar menghimpunkan bunyi yang menarik tanpa kejelasan hubungan makna.

Sehubungan dengan itu, kajian ini turut mempersoalkan asal-usul kemunculan nama-nama panjang dalam kategori Murakkab Empat Nama. Fenomena ini berkemungkinan besar merupakan hasil inisiatif dan kreativiti ibu bapa dalam kalangan masyarakat Melayu yang berusaha untuk meraikan bahasa Arab sebagai bahasa agama, di samping mengekalkan unsur jati diri tempatan. Gabungan nama yang panjang ini boleh ditafsirkan sebagai manifestasi aspirasi ibu bapa moden yang ingin menyampaikan nilai keagamaan, keindahan bunyi, serta keunikan identiti melalui nama anak. Pemilihan dan penggabungan beberapa elemen nama, sama ada daripada bahasa Arab atau Melayu, sering kali dibuat dengan pertimbangan estetik dan simbolik, meskipun kadangkala susunannya tidak memenuhi prinsip kesinambungan sintaktik dan semantik yang utuh. Penemuan ini secara tidak langsung membuka ruang kepada perbincangan lanjut tentang keseimbangan antara kebebasan dalam pembentukan nama dengan keperluan menjaga kejelasan makna, kesinambungan sintaksis, dan nilai budaya yang mendasari sistem penamaan dalam masyarakat.

6. *Fi'l* (Kata Kerja)

Jadual 10 *Fi'l*

Generasi	Baby Boomers	Jumlah
<i>Fi'l</i>	2	2

Kategori keenam dalam fenomena pengaraban nama dikenal pasti sebagai kategori *Fi'l*, iaitu nama yang diambil daripada akar kata kerja dalam bahasa Arab. Berdasarkan dapatan kajian, bentuk pengaraban ini didapati kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu. Fenomena ini memperlihatkan kepekaan masyarakat terhadap pemilihan nama yang dianggap lebih sesuai dan membawa makna yang positif serta signifikan. Secara umum, masyarakat Melayu dilihat cenderung memilih nama yang berasal daripada kata nama (*ism*), berbanding akar kata kerja (*fi'l*), sejajar dengan kecenderungan untuk memastikan nama yang diberikan mempunyai bentuk dan makna yang mantap serta stabil secara morfologi dan semantik. Antara contoh nama yang tergolong dalam kategori *Fi'l* termasuklah *Nansoor*, yang diambil daripada kata kerja *naṣara–yaṣuru* (نصر-ينصر) yang bermaksud “kami menolong”, serta *Hassan*, yang berasal daripada kata kerja *ḥassana–yuḥassinu* (حسن-يُحسن) yang membawa makna “memperelok” atau “menghiasi”. Walaupun nama-nama ini lazim digunakan dalam kalangan penutur bahasa Arab, penggunaannya dalam kalangan masyarakat Melayu kekal terhad, sekali gus mencerminkan penyesuaian budaya dan bahasa dalam amalan penamaan tempatan.

KESIMPULAN

Penemuan kajian ini membuktikan bahawa fenomena pengaraban dalam kalangan masyarakat Melayu telah mengalami evolusi yang ketara dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Perubahan tersebut melibatkan aspek pemilihan nama, bilangan elemen dalam nama, serta kaedah ejaan baharu yang semakin menggantikan bentuk ejaan baku. Walaupun penyesuaian fonem Arab ke dalam bahasa Melayu dapat dilihat sebagai satu bentuk kreativiti linguistik, namun penyesuaian yang berlebihan berisiko menjejaskan maksud asal nama tersebut. Ini boleh berlaku apabila nama yang pada asalnya membawa makna yang baik dalam bahasa Arab, tersasar dan akhirnya memberi makna yang negatif atau tidak sesuai. Kajian ini turut menjelaskan bentuk asas pengaraban nama serta mengenal pasti beberapa bentuk kesalahan yang berlaku dari sudut morfologi dan leksikal dalam tatabahasa Arab. Pengetahuan asas tentang struktur dan bentuk pengaraban ini amat penting kerana ia membantu dalam mengenal pasti komponen dan unsur yang terkandung dalam sesuatu nama, seterusnya menilai hubungan semantik antara nama-nama tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada para pembaca, khususnya ibu bapa, dalam usaha menamakan anak dengan cara yang lebih tepat, berkesan dan bermakna—selaras dengan tujuan asal pemberian nama sebagai satu bentuk harapan dan doa yang baik terhadap masa depan anak tersebut.

Rujukan

- (2006). *Naming practices – A guide to names used in the UK and how to record them*. United Kingdom: Home Office. Retrieved from https://www.fbiic.gov/public/2008/nov/Naming_practice_guide_UK_2006.pdf
- Ashafizrol Ab Hamid. (2015a). *Huraian Matan Al-ajurrumiyah*. Kedah : Alasfiyaa Sdn Bhd
- Ashafizrol Ab Hamid. (2015b). *Ilmu Sorof Moden : Kata & Frasa Bahasa Arab*. Kedah : Alasfiyaa Sdn Bhd
- Asiah Abas & Noor Fadilah Dawi. (2019). Pengaraban Nama Melayu Dalam Kalangan Masyarakat Melayu: Satu Analisis Kesalahan Bahasa: Arabization Malay Names in Malay Community: An Error Language Analysis. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 30, 169–188.
- Aldrin, E. (2014). Choosing a Name = Choosing Identity? Towards a Theoretical Framework. *BIBLIOTECA TÉCNICA DE POLÍTICA LINGÜÍSTICA*, 392–401. <https://doi.org/10.2436/15.8040.01.44>
- Askuri, & Kuipers, J. C. (2018). The politics of Arabic naming and islamization in Java: Processes of hybridization and purification. *Al-Jami'ah : Journal of Islamic Studies*, 56(1), 59–94. <https://doi.org/10.14421/ajis.2018.561.59-94>
- Carla Sih Prabandari. (2017). CURRENT TREND IN NAMING BABIES IN JAVANESE COMMUNITY. *International Journal of Humanity Studies*, 1(1), 63–70. <https://doi.org/10.24071/ijhs.2017.010107>
- Dice Dian Pramita, Ermanto, & Novia Juita. (2017). SISTEM NAMA DIRI MASYARAKAT ETNIS MINANGKABAU: KAJIAN NAMA PANGGILAN PADA MASYARAKAT RANTAU PASISIA DI PARIAMAN. *Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 4(2).
- Dzulkifli Mohamad al-Bakri. (2023). Maksud Nama Anak Billah. Retrieved 1 September. <https://maktabahalbakri.com/2441-maksud-nama-anak-billah/>
- Eric Kunto Aribowo. (2020). Personal Name and Lineage: Patronym of Arab Descent in Indonesia. *Langkawi: Journal of The Association for Arabic and English*, 6(2), 143. <https://doi.org/10.31332/lkw.v0i0.2006>
- Eric Kunto Aribowo, & Nanik Herawati. (2016). Pemilihan Nama Arab sebagai Strategi Manajemen Identitas di antara Keluarga Jawa Muslim. *International Seminar Prasasti III : Current Research in Linguistics*, 270–277. <https://www.researchgate.net/publication/318663477>
- Gita Anggria Resticka, & Sri Nani Hari Yanti. (2018). BENTUK SATUAN KEBAHASAAN DALAM NAMA DIRI ORANG MASYARAKAT BANYUMAS. *Pengembangan Sumber Daya Perdesaan Dan Kearifan Lokal Berkelanjutan VIII*, 14–15.
- Halimatussakdiah, & Mulyadi. (2021). Semantik Nama Diri dalam Masyarakat Melayu Tamiang di Kabupaten Aceh Tamiang. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia Metalingua*, 19(1), 63–74. <https://doi.org/10.26499/metalingua.v19i1.584>
- Harimurti Kridalaksana. (2008). *Kamus lingusitik Edisi Keempat*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama
- Hermandra. (2022). Analisis Semantik terhadap Nama Diri Mahasiswa. *SUAR BETANG*, 17(2), 223–231. <https://doi.org/10.26499/surbet.v17i2.436>
- Ilfiana Iffah Jihada. (2019). TINJAUAN FONOLOGIS TERHADAP INTEGRASI PENGGUNAAN NAMA DIRI BAHASA ARAB DI INDONESIA. In *Jurnal Pemikiran Keislaman dan Kemanusiaan* (Vol. 3, Issue 1).

- Indra Setia Bakti, Emir Hamdi, & M. Nur. (2018). PERGESERAN POLA PEMBERIAN NAMA ANAK PADA GENERASI MILLENIAL DAN POST-MILLENIAL. *Jurnal Sosiologi USK*, 12(1), 24–37.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kridalaksana (1993)
- Khairul Fajry. (2020). Transformasi Nama Diri Masyarakat Aceh. *Jurnal Universitas Gadjah Mada*, 3(1), 107–116.
- Mohd Husni Mohd Noor. (2022, 6 Januari). JPN sahkan nama terpanjang di Malaysia. *Utusan*. Retrieved 20 September.
- [https://www.utusan.com.my/nasional/2022/01/jpn-sahkan-nama-terpanjang-di-malaysia/#:~:text=PUTRAJAYA%3A%20Nama%20Princess%20Aura%20Nurr,Negara%20\(JPN\)%20hari%20ini](https://www.utusan.com.my/nasional/2022/01/jpn-sahkan-nama-terpanjang-di-malaysia/#:~:text=PUTRAJAYA%3A%20Nama%20Princess%20Aura%20Nurr,Negara%20(JPN)%20hari%20ini)
- Nur Rini, Zees, S. R., & Pandiya. (2019). PEMBERIAN NAMA ANAK DALAM SUDUT PANDANG BAHASA. *Epigram*, 15(2). <https://doi.org/10.32722/epi.v15i2.1276>
- Prameswari Dyah Gayatri, Budi Anggraeni Ilyas, & Teguh Setiawan. (2021). TREN PENGGUNAAN BAHASA ASING PADA NAMA DIRI MASYARAKAT JAWA. *Widyaparwa*, 49(1), 68–80. <https://doi.org/10.26499/wdprw.v49i1.765>
- Rifa Rafkahanun, & Agus Nero Sofyan. (2021). Analisis Nama Diri Orang Berbahasa Arab di Indonesia: Kajian Morfo-Semantik. *MABASAN*, 15(1), 79–94. <https://doi.org/10.26499/mab.v15i1.429>
- Sri Astuti A.Samad. (2015). Pengaruh Agama Dalam Tradisi Mendidik Anak Di Aceh: Telaah terhadap Masa Sebelum dan Pasca Kelahiran. *Maret*, 1(1), 111.
- T. Ibrahim Alfian. (1986). Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh, Banda Aceh: Proyek Penelitian dan Pencatatan Kebudayaan Daerah, 125-130.